

Hadis Wakaf Infrastruktur Berkaitan Masjid Dalam *Al-Kutub Al-Sittah*: Satu Analisis

Prophetic Traditions on Waqf of Mosque Infrastructure in Al-Kutub Al-Sittah: An Analysis

Mohd Ashrof Zaki Yaakob, Ishak Suliaman, Azri Bhari, Mohammad Mahyuddin Khalid, Mohd Afandi Mat Rani, Mohd Faiz Mohamed Yusof*

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam

*Corresponding author: faizyusof@uitm.edu.my

Article history

Received: 2019-01-06 Received in revised form: 2019-03-21 Accepted: 2019-07-07 Published online: 2019-10-07

Abstract

Provision of waqf is *thabit* through *nas* from the Quran and also the traditions of the Prophet or known as al-Hadith. Although generally speaking, the *fiqh* discussion of waqf is only focused on two major hadiths; the hadith related to Sayidina 'Umar in Khaybar and also the date farm of the Bayruha' property of Abu Talhah. However, if it is examined more closely, there are many more hadiths discussing waqf in various aspects in al-Kutub al-Sittah. The analysis found that there were 36 texts of hadiths related to waqf in al-Kutub al-Sittah and there was a text of hadith describing on specific waqf mosque in particular. The sources of the hadiths related to the wakaf of the mosque are from Sahih al-Bukhari and Sahih Muslim, and cross references are found that the hadiths are also found in al-Kutub al-Sittah other than Sahih al-Bukhari and Sahih Muslim. The debate in this article will touch on the analysis of the source and history of the hadiths related to the wakaf of the mosque and also the perspective of the discussion based on the critics performed by the scholars in the book of Syarh al-Hadis.

Keywords: Hadith, Waqf, Infrastructure, Mosque.

Abstrak

Pensyariatan ibadah wakaf adalah *thabit* melalui *nas* daripada al-Quran dan juga hadis Nabi SAW. Walaupun secara umumnya, perbincangan *fiqh* berkaitan wakaf hanya tertumpu kepada dua hadis wakaf yang utama, iaitu hadis berkaitan tanah wakaf Sayidina 'Umar di *Khaybar* dan juga kebun kurma dan telaga *Bayruha*' milik Abu Talhah, namun sekiranya diteliti dengan lebih mendalam didapati terdapat banyak lagi hadis yang membincangkan berkaitan wakaf dalam pelbagai aspek dalam *al-Kutub al-Sittah*. Analisis mendapati terdapat 36 teks hadis berkaitan wakaf dalam *al-Kutub al-Sittah* dan terdapat teks hadis yang menyentuh berkaitan wakaf masjid secara khusus. Sumber bagi hadis berkaitan wakaf masjid ini adalah daripada *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*, dan rujukan silang (*cross reference*) yang dilakukan mendapati hadis tersebut juga boleh didapati dalam *al-Kutub al-Sittah* yang lain selain *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Perbincangan dalam artikel ini akan menyentuh berkaitan analisis sumber dan riwayat hadis berkaitan wakaf masjid ini dan juga perspektif perbincangannya berdasarkan kupasan yang dilakukan oleh para ulama dalam kitab *Syarh al-Hadis*.

Keywords: Hadis, Wakaf, Infrastruktur, Masjid.

1.0 PENDAHULUAN

Ibadah wakaf menjadi suatu institusi sosio ekonomi yang penting bagi umat Islam dan melalui dimensi perkembangan yang luas sejak disyariatkan lebih 1400 tahun yang lalu. Walaupun institusi wakaf wujud sebelum kedatangan Islam lagi, namun Islam merupakan agama pertama yang membangunkan institusi wakaf berlandaskan syariah dan memangkin perkembangannya sehingga menjadi sumber pembiayaan dalam pembangunan masyarakat Islam (Razali, 2015). Secara umumnya, amalan wakaf sudah lama bertapak dan diterima umum sebagai institusi pembangunan ekonomi ummah di Malaysia. Wakaf ditakrifkan sebagai harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, manakala manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekati diri pewakaf kepada Allah SWT (JAWHAR, 2006). Harta yang hendak diwakafkan pula perlulah sesuatu yang bermanfaat untuk kegunaan ramai serta bernilai di sisi syarak (*mal al-mutaqawwim*) seperti bangunan masjid, sekolah, hospital, dan juga untuk mengukuhkan institusi ketenteraan (Muhamad Akram, 1994). Aspek berkaitan pembangunan infrastruktur wakaf perlu diteliti dan merujuk kepada praktikal pelaksanaan berdasarkan panduan daripada hadis Nabi SAW. Artikel ini memfokuskan kepada perbincangan berkaitan infrastruktur masjid berdasarkan hadis wakaf yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* bagi menilai perspektif nabawi mengenainya. Selain itu, Pengertian al-Quran dalam artikel ini akan menggunakan Tafsir Pimpinan al-Rahman (2010).

2.0 PENSYARIATAN WAKAF DALAM AL-QURAN DAN HADIS

Pensyariatkan ibadah wakaf tidak dinyatakan secara terang oleh al-Quran menggunakan kalimah *al-waqf*, namun terdapat beberapa dalil daripada al-Quran yang menyeru kepada manusia agar melakukan kebajikan demi kepentingan masyarakat umum dengan cara bersedekah menggunakan harta. Setiap individu yang melaksanakan ibadah wakaf dengan ikhlas akan mendapat pahala yang berterusan dan berlipat ganda daripada Allah SWT. Dalil daripada nas al-Quran yang menerangkan berkaitan ibadah wakaf antaranya ialah sepertimana fiman Allah SWT:

1) *Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya.* (Surah al-Baqarah, 2: 261).

2) *Dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahala yang besar yang kamu dapati kelak).* (Surah al-Baqarah, 2: 280).

3) *Kamu sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.* (Surah Ali Imran, 3: 92).

Kesemua ayat al-Quran di atas merujuk secara tidak langsung kepada ibadah wakaf dan galakan yang amat tinggi dalam perlaksanaannya. Saranan yang diberikan turut dijanjikan dengan ganjaran yang berlipat ganda agar umat Islam berlumba-lumba untuk mengerjakannya.

Manakala dalil daripada hadis Rasulullah SAW berkaitan wakaf boleh didapati dengan banyaknya dalam kitab hadis. Namun, dalil hadis wakaf dalam perbincangan kitab *fiqh* kebiasaannya hanya tertumpu kepada dua hadis sahaja, iaitu berkaitan tanah wakaf Sayidina ‘Umar RA di *Khaybar*

dan juga kebun kurma dan telaga *Bayruha'* milik Abu Talhah RA. Sedangkan sekiranya diteliti, hadis berkaitan wakaf dalam *Kutub al-Sittah* (*Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i* dan *Sunan Ibn Majah*) sebenarnya menjangkau 36 teks hadis termasuk dua hadis ini (Mohd Ashrof Zaki Yaakob et.al, 2016). Ini menunjukkan perbincangan berkaitan wakaf menerusi perspektif hadis adalah luas dan mencapah kepada beberapa aspek yang pelbagai. Dua hadis Rasulullah SAW yang menjadi rujukan utama dalam menerangkan berkaitan urusan wakaf antaranya ialah hadis tanah *Khaybar* yang dimiliki oleh Sayidina 'Umar RA. Hadis adalah seperti berikut:

1) *Ibn 'Umar berkata, “ ‘Umar mendapat sebahagian tanah kebun di Khaybar, lalu beliau pergi berjumpa dengan Nabi SAW dan meminta nasihat mengenai bahagian tersebut, dia berkata, “Wahai Rasulullah, saya mendapat bahagian tanah kebun di Khaybar dan saya belum pernah mendapat harta yang sangat saya banggakan seperti tanah kebun tersebut, maka apa yang tuan perintahkan mengenai kebun tersebut.”? ” Baginda menjawab, “Jika kamu mahu, peliharalah pobonnya dan sedekahkanlah hasilnya.” Ibn 'Umar berkata, “Kemudian 'Umar mensedekahkannya, tidak dijual pobonnya dan hasilnya, tidak diwariskan dan tidak dihibahkan.” Ibn 'Umar meneruskan, “'Umar mensedekahkan hasilnya kepada orang fakir, kaum kerabat, memerdekakan budak, dana perjuangan di jalan Allah, untuk pejuang dan untuk menjamu tetamu. Dan dia juga membolehkan orang lain untuk menguruskan kebun tersebut dan memakan dari hasil tanamannya dengan cara yang baik, atau memberi makan kepada saudaranya dengan berpatutan dan tidak menyimpannya (untuk mengkayakan dirinya).”* (Riwayat *Sahih al-Bukhari*: Hadis no. 2532, 2565

Manakala hadis yang kedua menyatakan seruan baginda Nabi SAW kepada sahabat baginda agar melaksanakan ibadah wakaf. Rasulullah SAW menjelaskan kepada Abu Talhah RA bahawa sedekah terbaik adalah memberikan harta yang paling disayangi untuk diwakafkan. Setelah mendengar penjelasan daripada Rasulullah SAW, Abu Talhah RA tanpa berlengah lagi terus mewakafkan harta kesayangan beliau, iaitu sebuah kebun kurma dan telaga *Bayruha'* untuk dijadikan sebagai harta wakaf (Al-Syarbini, n.d). Hadisnya seperti berikut:

2) *Anas bin Malik RA berkata: Abu Talhah adalah orang yang paling banyak hartanya dalam kalangan Ansar di Kota Madinah yang berupa kebun pobon kurma. Dan harta benda yang paling dicintainya adalah Bayruha' (nama telaga) yang menghadap ke masjid dan Rasulullah SAW sering memasuki kebun itu dan minum airnya yang terbaik tersebut. Anas Berkata: Ketika turunnya firman Allah SWT surah Ali 'Imran (3: 92) yang bermaksud, “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (bakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna), sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.” Abu Talhah mendatangi Rasulullah SAW lalu berkata, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah SWT berfirman, “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (bakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna), sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi” dan sesungguhnya harta yang paling aku cintai ialah Bayruha' dan sekarang ia menjadi sedekah pada jalan Allah dan aku berharap kebajikannya dan sebagai simpanan pahala di sisi-Nya, maka ambillah ia wahai Rasulullah sebagaimana petunjuk Allah kepada engkau.” Maka Rasulullah SAW bersabda, “Wah, inilah harta yang menguntungkan, atau harta yang pahalanya mengalir terus (pada kalimah ini Abu Salamah ragu)”, sungguh aku dapat mendengar apa yang kamu katakan dan aku berpendapat sebaiknya kamu sedekahkan buat kerabatmu.” Maka Abu Talhah berkata, “Aku akan laksanakan wahai Rasulullah.” Lalu Abu Talhah membahagikannya untuk kerabatnya dan anak saudaranya.”* (Riwayat *Sahih al-Bukhari*: Hadis no. 4189, 5180, *Sahih Muslim*: Hadis no. 1664).

Kedua-dua teks hadis ini merupakan *nas* yang digunakan sebagai justifikasi kepada pelaksanaan ibadah wakaf menurut perspektif hadis. Selain daripada dua teks hadis tersebut, terdapat teks hadis daripada *al-Kutub al-Sittah* yang menyentuh khusus berkaitan infrastruktur masjid dalam teks atau *matan* hadis tersebut. Teks hadis berkaitan infrastruktur masjid ini mempunyai perspektif perbincangan yang tersendiri dan perlu dikaji secara lebih mendalam.

3.0 HADIS BERKAITAN WAKAF INFRASTRUKTUR MASJID DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH

Secara umumnya, terdapat 36 teks hadis berkaitan wakaf yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* (Mohd Ashrof Zaki Yaakob et.al, 2017). Daripada 36 teks hadis tersebut, 27 darinya membincangkan secara khusus berkaitan wakaf infrastruktur, dan boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama, pertama; wakaf infrastruktur keagamaan, iaitu wakaf tanah bagi tujuan pembinaan dan perluasan kawasan masjid. Kedua; wakaf infrastruktur kemudahan awam, iaitu wakaf tanah kebun *Khaybar*, telaga *Bayruha'* dan telaga *Rumab* dan ketiga; wakaf infrastruktur secara umum, iaitu wakaf tanah, senjata atau kelengkapan peperangan dan kenderaan tunggangan yang diwakafkan untuk kegunaan *fi sabilillah*.

Pembahagian wakaf infrastruktur kepada tiga kategori utama ini bertujuan membezakan jenis wakaf infrastruktur yang dilaksanakan menurut perspektif hadis. Hal ini demikian disebabkan oleh setiap teks atau *matan* hadis membahaskan isu yang berlainan bagi setiap hadis yang berbeza serta mempunyai implikasi dan pengajaran yang berbeza mengikut hadis tersebut. Ia juga bertujuan memudahkan penumpuan pembangunan wakaf infrastruktur mengikut kategori tertentu agar penilaian berdasarkan kategori tersebut dapat dilakukan dalam pembangunan wakaf infrastruktur masa kini.

Berdasarkan analisis yang dilaksanakan, terdapat tiga teks hadis yang khusus menyentuh berkaitan infrastruktur masjid dalam *al-Kutub al-Sittah*. Teks-teks hadis tersebut dan perbincangannya secara terperinci adalah seperti berikut:

1) Hadis Pertama

(2771) عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: أَمَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِنَاءِ الْمَسْجِدِ فَقَالَ يَا بَنِي النَّجَّارِ ثَامِنُونِي بِحَائِطِكُمْ هَذَا قَالُوا لَا وَاللَّهِ لَا نَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللَّهِ.¹

Maksudnya: bercerita kepada kami *Musaddad*, bercerita kepada kami 'Abd al-Warith dari Abu al-Tayyab dari Anas RA berkata: Nabi SAW memerintahkan untuk membina masjid (Nabawi) lalu baginda bersabda, “*Wahai Bani al-Najjar, tentukanlah harganya (jual) kepadaku kebun-kebun kalian ini.*” Mereka berkata, “Demi Allah, kami tidak menginginkan harganya kecuali kami berikannya untuk Allah.”

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitabnya *Sabih al-Bukhari* dalam kitab *al-Wasaya*, dalam bab (إِذَا أَوْقَفَ جَمَاعَةٌ أَرْضًا مُشَاعًا فَهِيَ جَائِزٌ) hadis no. 2771. Hadis yang sama boleh didapati dalam *Sabih al-Bukhari* dalam kitab *al-Solah* (هَلْ تُنْبَشُ فُبُورٌ مُشْرِكِي الْجَاهِلِيَّةِ وَيَتَّخَذُ مَكَائِمًا مَسَاجِدَ) hadis no. 428, *Fada'il Madinah* (حَرَمَ الْمَدِينَةِ) hadis no. 1868, *al-Buyu'* (صَاحِبُ السَّلْعَةِ أَحَقُّ بِالسُّومِ) hadis no. 2106, *al-Wasaya* (إِذَا قَالَ الْوَاقِفُ لَا نَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللَّهِ فَهِيَ جَائِزٌ) hadis no. 2779, *al-Manaqib al-Ansar* (مَقْدِمِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابِهِ الْمَدِينَةِ) hadis no. 3932. Hadis ini juga

diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *Sabih Muslim* dalam kitab *al-Masajid wa Mawadi' al-Solah*, dalam bab (اِبْتِنَاءِ مَسْجِدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ), hadis no. 1173.

2) Hadis Kedua

(2774) عَنْ أَنَسٍ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لَمَّا قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ أَمَرَ بِنَاءِ الْمَسْجِدِ وَقَالَ يَا بَنِي النَّجَّارِ تَامِنُونِي بِحَائِطِكُمْ هَذَا قَالُوا لَا وَاللَّهِ لَا نَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللَّهِ.

Maksudnya: bercerita kepada kami *Ishaq*, bercerita kepada kami 'Abd al-Samad berkata, aku mendengar bapakku bercerita kepadaku *Anas bin Malik* RA, ketika Nabi SAW tiba di Madinah, baginda memerintahkan untuk membina masjid (Nabawi) lalu bersabda, “*Wahai Bani al-Najjar, tentukanlah harganya (jual) kepadaku kebun-kebun kalian.*” Mereka berkata, “Demi Allah, kami tidak menginginkan harganya melainkan kami berikan hanya untuk Allah.”

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitabnya *Sabih al-Bukhari* dalam kitab *al-Wasaya*, dalam bab (وَقَفِ الْأَرْضِ لِلْمَسْجِدِ), hadis no. 2774. Hadis yang sama boleh didapati dalam *Sabih al-Bukhari* dalam kitab *al-Solah* (هَلْ تَنْبِشُ قُبُورَ مُشْرِكِي الْجَاهِلِيَّةِ وَيَتَّخِذُ مَكَانَهَا مَسَاجِدَ) hadis no. 428, *Fada'il Madinah* (حَرَمِ الْمَدِينَةِ) hadis no. 1868, *al-Buyu'* (صَاحِبِ السَّلْعَةِ أَحَقُّ بِالسُّومِ) hadis no. 2106, *al-Wasaya* (وَقَفِ) (إِذَا قَالَ الْوَاقِفُ لَا نَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللَّهِ فَهُوَ جَائِزٌ) hadis no. 2774, *al-Wasaya* (اَلْأَرْضِ لِلْمَسْجِدِ) hadis no. 2779, *al-Manaqib al-Ansar* (مَقْدَمِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابِهِ الْمَدِينَةِ) hadis no. 3932. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *Sabih Muslim* dalam kitab *al-Masajid wa Mawadi' al-Solah*, dalam bab (اِبْتِنَاءِ) (مَسْجِدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ), hadis no. 1173.

3) Hadis Ketiga

(2779) عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا بَنِي النَّجَّارِ تَامِنُونِي بِحَائِطِكُمْ قَالُوا لَا نَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللَّهِ.

Maksudnya: bercerita kepada kami *Musaddad*, bercerita kepada kami 'Abd al-Warith, daripada *Abu al-Tayyah*, daripada *Anas bin Malik* RA, Nabi SAW bersabda, “*Wahai Bani al-Najjar, tentukanlah harganya (jual) kepadaku kebun-kebun kalian ini.*” Mereka berkata, “Kami tidak meminta harganya kecuali kepada Allah.”

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitabnya *Sabih al-Bukhari* dalam kitab *al-Wasaya*, dalam bab (إِذَا قَالَ الْوَاقِفُ لَا نَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللَّهِ فَهُوَ جَائِزٌ) hadis no. 2779. Hadis yang sama boleh didapati dalam *Sabih al-Bukhari* dalam kitab *al-Solah* (هَلْ تَنْبِشُ قُبُورَ مُشْرِكِي الْجَاهِلِيَّةِ وَيَتَّخِذُ مَكَانَهَا مَسَاجِدَ) hadis no. 428, *Fada'il Madinah* (حَرَمِ الْمَدِينَةِ) hadis no. 1868, *al-Buyu'* (صَاحِبِ السَّلْعَةِ أَحَقُّ بِالسُّومِ) hadis no. 2106, *al-Wasaya* (وَقَفِ الْأَرْضِ لِلْمَسْجِدِ) hadis no. 2774, *al-Wasaya* (إِذَا قَالَ الْوَاقِفُ لَا نَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللَّهِ فَهُوَ جَائِزٌ) hadis no. 2779, *al-Manaqib al-Ansar* (مَقْدَمِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابِهِ الْمَدِينَةِ) hadis no. 3932. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *Sabih Muslim* dalam kitab *al-Masajid wa Mawadi' al-Solah*, dalam bab (اِبْتِنَاءِ مَسْجِدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ), hadis no. 1173.

4.0 ANALISIS SUMBER RIWAYAT HADIS WAKAF BERKAITAN INFRASTRUKTUR MASJID

Berdasarkan analisis terhadap ketiga-tiga hadis di atas, dapat disimpulkan bahawa semua riwayat di atas adalah daripada hadis Anas bin Malik RA berkaitan tanah Bani Najjar yang diminta oleh Rasulullah SAW untuk dijual bagi pembinaan masjid. Sekiranya dilihat *Tarajim Abwab* bagi setiap riwayat, Imam al-Bukhari membawakan hadis ini dalam *Kitab al-Wasaya* dalam bab (باب إِذَا) (أَوْقَفَ جَمَاعَةٌ أَرْضًا مَشَاعًا فَهُوَ جَائِزٌ), no. hadis 2771 dengan *matan* yang ringkas dengan jalur periwayatan Musaddad daripada ‘Abd al-Warith daripada Abi Tayyah daripada Anas bin Malik RA.

Pada masa yang sama, Imam al-Bukhari turut memuatkan hadis ini di enam tempat yang berbeza iaitu, pertama: *Kitab al-Solah* dalam bab (باب هَلْ تُنْبِشُ قُبُورُ مُشْرِكِي الْجَاهِلِيَّةِ وَيَتَّخَذُ مَكَانَهَا مَسَاجِدَ), no. hadis 428, dengan jalur periwayatan yang sama seperti di atas tetapi dibentangkan *matan* hadis dengan panjang dan terperinci, kedua: *Kitab Fada’il Madinah* dalam bab (باب حَرَمِ الْمَدِينَةِ), no. hadis 1868, juga dengan jalur periwayatan yang sama seperti di atas namun dengan *matan* yang ringkas, ketiga: *Kitab al-Buyu’* dalam bab (باب صَاحِبِ السِّلْعَةِ أَحَقُّ بِالسُّؤْمِ), no. hadis 2106, dengan jalur periwayatan dari Musa bin Isma’il daripada ‘Abd al-Warith daripada Abi Tayyah daripada Anas bin Malik RA, dengan *matan* yang ringkas, keempat: *Kitab al-Wasaya* dalam bab (باب وَقْفِ الْأَرْضِ لِلْمَسْجِدِ) no. hadis 2774, dari jalur periwayatan Ishaq bin ‘Abd al-Somad daripada bapanya daripada Abi Tayyah daripada Anas bin Malik RA, dengan *matan* yang ringkas, kelima: *Kitab al-Wasaya* dalam bab (باب إِذَا) (قَالَ الْوَاقِفُ لَا تَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللَّهِ فَهُوَ جَائِزٌ), no. hadis 2779, dengan jalur periwayatan daripada Musaddad daripada ‘Abd al-Warith daripada Abi Tayyah daripada Anas bin Malik RA, dengan *matan* yang ringkas, dan keenam: *Kitab al-Manaqib al-Ansar* dalam bab (باب مَقْدَمِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابِهِ الْمَدِينَةَ), no. hadis 3932, dengan jalur periwayatan daripada Musaddad daripada ‘Abd al-Warith daripada Ishaq bin Mansur daripada ‘Abd al-Somad daripada bapanya daripada Abi Tayyah Yazid bin Humayd al-Duba’iy daripada Anas bin Malik RA, dengan *matan* yang panjang dan terperinci.

Hadis ini juga dimuatkan oleh Imam Muslim dalam *Sahibnya* dalam *Kitab al-Masajid wa Mawadi’ al-Solah* dalam bab (باب ابْتِنَاءِ مَسْجِدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ), no. hadis 1173, dengan dua jalur periwayatan, iaitu daripada Yahya bin Yahya dan Shayban bin Farrukh, kedua-duanya daripada ‘Abd al-Warith bin Sa’id daripada Abi Tayyah al-Duba’iy daripada Anas bin Malik RA, dengan *matan* yang panjang dan terperinci. Status hadis ini adalah sahih kerana diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim dalam kitab *Sahib* mereka.

5.0 PERBAHASAN HADIS WAKAF INFRASTRUKTUR BERKAITAN MASJID

Ketiga-tiga teks hadis daripada Anas bin Malik RA ini membincangkan berkaitan wakaf pembinaan masjid di atas tanah milik Bani al-Najjar. Baginda meminta agar diletakkan harga bagi pembelian tanah tersebut untuk dibina masjid di atasnya. *Matan* asal hadis ini adalah panjang namun Imam al-Bukhari memilih untuk memasukkan sebahagian sahaja *matan* yang berkaitan dengan *Tarajim Abwab* yang disusun oleh beliau. Metodologi pengulangan hadis ini di beberapa tempat sengaja dilakukan oleh Imam al-Bukhari bagi menyesuaikan dengan penjelasan nama bab yang juga merupakan *istinbat* hukum Imam al-Bukhari bagi sesuatu hadis tersebut.

Berdasarkan tajuk bab ini, Ibn al-Munayyar mengatakan bahawa Imam al-Bukhari membawakan tajuk berkaitan seseorang yang mewakafkan tanah yang belum dibahagikan, kerana Imam al-Bukhari tidak membenarkannya kerana tidak boleh seseorang membawa mudarat kepada rakannya yang lain. Namun kenyataan ini perlu dinilai semula kerana secara jelasnya Imam al-Bukhari bertujuan menolak orang yang mengingkari secara mutlak untuk mewakafkan harta sebelum dibahagikan (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2001). Dalam beberapa bab sebelum bab ini, Imam al-Bukhari menamakan babnya dengan “*dibaruskan seseorang bersedekah atau mewakafkan sebahagian hartanya*”, iaitu merujuk kepada seseorang mewakafkan hartanya yang belum dibahagikan, maka perkara itu dihukum sebagai harus oleh Imam al-Bukhari.

Ibn Hajar menyatakan bahawa Imam al-Bukhari menyebutkan hadis Anas RA tentang kisah pembinaan masjid dan beliau menyebutkannya melalui *sanad* yang sama dengan *matan* dalam bab tentang masjid di awal perbahasan tentang solat. Manakala maksud kata-kata Bani Najjar “*Kami tidak meminta barganya kecuali kepada Allah SWT*” dengan zahir dan jelas bahawa mereka menyedekahkan tanah itu untuk Allah SWT, dan baginda Nabi SAW menerimanya, dan lafaz ini dijadikan dalil kepada tajuk bab oleh Imam al-Bukhari.

Imam al-Waqidi pula menyatakan bahawa Abu Bakar menyerahkan harga tanah tersebut kepada salah seorang pemiliknya dengan harga 10 dinar, maka kenyataan ini tepat dan menjadi dalil kepada tajuk bab dengan pengakuan daripada Rasulullah SAW, dan baginda tidak mengingkari kata-kata mereka. Sekiranya tidak boleh mewakafkan harta yang belum dibahagikan, maka pasti Rasulullah SAW akan mengingkarinya dan menjelaskan hukum mengenainya (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2001).

Hadis-hadis ini juga menjadi dalil bahawa hukum masjid menjadi *thabit* dengan adanya bangunan yang dijadikan masjid, walaupun pembina bangunan itu tidak menyatakan dengan jelas bahawa bangunan itu ialah masjid. Menurut sebahagian ulama mazhab Maliki, hukum masjid menjadi *thabit* padanya jika dikumandangkan azan di bangunan tersebut. Manakala menurut ulama mazhab Hanafi pula, sekiranya dikumandangkan azan untuk solat berjemaah di bangunan tersebut, maka *thabit* hukum masjid pada bangunan tersebut.

Menurut *jumbur* ulama’, hukum masjid tidak berlaku kecuali setelah pembina bangunan dengan jelas menyatakan mewakafkannya, atau menyebutkan *sighab* kalimah untuk mewakafkannya dan disertai dengan niat untuk mewakafkannya (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2001). Sebahagian ulama mazhab Syafie menegaskan pendapat yang sama dengan mazhab Hanafi, namun secara khusus kepada tanah yang tiada pemiliknya. Secara jelasnya, hadis dalam bab ini tidak mengandungi keterangan yang menetapkannya atau menafikannya.

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan pembentangan hadis dan perbahasan berkaitan sumber dan riwayat hadis di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbincangan yang khusus berkaitan wakaf infrastruktur yang berkaitan dengan masjid dalam *al-Kutub al-Sittah*. Kesemua hadis yang dibentangkan adalah berstatus *Sahih* kerana diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim dalam kitab *Sahih* mereka, dan pada masa yang sama hadis tersebut juga boleh didapati dalam *al-Kutub al-Sittah* yang lain. Perbahasan ulama terhadap hadis tersebut pula mempunyai skop perbincangan berkaitan masjid yang boleh dirujuk sebagai panduan dalam pelaksanaan wakaf berkaitan masjid. Perbincangan yang terperinci boleh dilakukan bagi mengenal pasti prinsip wakaf berkaitan masjid

yang boleh dijadikan parameter dalam perancangan dan pembangunan wakaf yang melibatkan masjid di Malaysia.

Rujukan

- Abdullah Muhammad Basmeih. (1996). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 Juzu'. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Bukhari. (2000). Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasul Allah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah. Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar al-Salam.
- Al-Naysaburi. (2000). Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min al-Sunan bi Naql al-'Adl 'an Rasul Allah SAW dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah. Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar al-Salam.
- Al-'Asqalani. (2001). Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi 'Abdullah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari. Al-Riyad: Tab'ah 'Ala Nafqati Sahib Sumuwwil Malaki al-Amir Sultan bin 'Abd al-'Aziz al-Sa'ud.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2010). Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Putrajaya.
- Jabatan Wakaf Zakat Dan Haji (JAWHAR) (2006). Manual Pengurusan Tanah Wakaf: Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Putrajaya.
- Mohd Ashrof Zaki Yaakob et al. (2016). The Investment of Waqf Properties through Infrastructure Development According to al-Hadith and Risk Management Perspectives. *Advanced Science Letters*, 22(9), 2228. United States: American Scientific Publishers.
- Mohd Ashrof Zaki Yaakob, Ishak Suliaman & Mohammad Mahyuddin Khalid. (2017). The Growth of Infrastructure Waqf from al-Hadith Perspective. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities (JSSH)*, 25 (S), 211-218. Serdang : Universiti Putra Malaysia Press.
- Muhammad Akram Khan. (1994). *An Introduction to Islamic Economics*. Pakistan: Islamic Research Institute Press, Islamabad.
- Razali Othman. (2015). *Institusi Wakaf: Sejarah dan Amalan Masakini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Othman. (2015). *Wakaf Tunai: Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.